

## → SUKAN



Sultan Nazrin menyampaikan Insentif Kemenangan kepada atlet akuatik di Ipoh, semalam.

## 57 atlet Perak terima insentif

➔ Seramai 23 atlet Sukan Para ASEAN turut diraikan Sultan Nazrin

Oleh **Balqis Jazimah Zahari**  
bhsukan@bh.com.my

► Ipoh

**S**ultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menyampaikan Skim Insentif Kemenangan Atlet Negeri Perak serta menghadiri Program Satu Pingat, Satu Pokok Sukan SEA dan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017 di Bulatan Meru Amanjaya, semalam.

Seramai 57 atlet Perak yang mewakili negara pada kedua-dua temasya itu diraikan pada majlis berkenaan.

Selain menyampaikan insentif, Sultan Nazrin turut berkenan menyaksikan sebahagian atlet menanam anak pokok di pekarangan bulatan itu.

Raja Permaisuri Perak, Tuan-

ku Zara Salim turut berkenan berangkat ke majlis berkenaan.

Turut mengiringi, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M Saravanan; Yang Dipertua Dewan Negeri, Datuk S Thangasvari; Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan dan Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia dan Sukan negeri, Datuk Shahrul Zaman Yahya.

**Perak lahirkan atlet dunia**

Sementara itu, Shahrul Zaman ketika berucap pada majlis itu berkata, program Skim Insentif Kemenangan Atlet Negeri Perak itu dicetuskan sendiri ideanya oleh Sultan Nazrin.

Beliau percaya ia mampu menjadi menjadi suntikan semangat dan faktor motivasi kepada atlet serta pelatih kon-

tinjen negeri dalam Sukan Malaysia (SUKMA) di bawah program Kita Juara 2018 dan Program Podium Perak (P3).

"Semoga visi, misi dan objektif kita untuk menjadi juara SUKMA tahun hadapan akan menjadi kenyataan," katanya.

"Daripada 57 atlet Perak yang menerima insentif, seramai 21 atlet adalah penyumbang pingat emas, sembilan perak dan sembilan gangsa pada Sukan SEA yang lalu," katanya.

Selain itu, katanya, seramai 23 atlet Sukan Para ASEAN turut diraikan dan daripada jumlah berkenaan, 11 atlet adalah penyumbang emas, tujuh perak dan sembilan lagi gangsa.

"Kesemua kejayaan ini jelas menunjukkan negeri Perak dari dahulu hingga kini berupaya dan akan terus melahirkan atlet bertaraf dunia," katanya.



Madzlan Saibon

## Jun Hoong, Mazdlan paling lumayan

**Ipoh:** Atlet terjun negara, Cheong Jun Hoong muncul penerima terbanyak Skim Insentif Sukan negeri Perak 2017, semalam.

Insentif khas berjumlah RM25,000 dari Kerajaan negeri itu dianugerahkan berikutan kejayaannya muncul juara acara 10 meter platform individu di Kejohanan Terjun Dunia FINA 2017 di Budapest, Hungary, Julai lalu.

Selain itu Jun Hoong me-

nerima RM3,000 bagi pingat emas acara 1 meter papan anjal Sukan SEA KL 2017, Ogos lalu.

Jun Hoong adalah antara 60 atlet termasuk 16 dari sukan Para ASEAN yang menerima insentif pada Majlis penyampaian Skim Insentif Kemenangan Atlet Negeri Perak, Satu Pokok Sukan SEA dan Para ASEAN Kuala Lumpur, 2017 di Bulatan Amanjaya, Meru, di sini, semalam.

**Mun Yee juga dapat**

Leong Mun Yee pula muncul atlet kedua terbanyak apabila menerima RM6,000 selepas menyumbang dua emas iaitu 10 meter terjun serirama dan 10 meter serirama campuran di temasya berkenaan.

Sementara itu, Madzlan Saibon muncul penerima terbanyak bagi atlet Para apabila menerima RM6,000 bagi dua pingat emas hasil kejayaan dalam acara perseorangan dan

beregu lelaki badminton.

Seramai 57 orang atlet dari Perak mewakili negara dalam Sukan SEA lalu dan menyumbangkan 21 pingat emas, 9 perak dan 9 gangsa.

Daripada jumlah itu, 23 atlet Para Perak mewakili negara dengan menyumbang 11 emas, 7 perak dan 9 gangsa. Insentif disampaikan oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Oleh Azizan Hashim